Water tankers will continue to be mobilised to areas where supply has not been fully restored.

Syabas received about 30 complaints on Saturday between 8am and 8pm.

These were conveyed to the respective centres for further action including supplying mobile water tanks that can store up to 5,000 litres of water.



Many supermarkets ran out of mineral water because of water disruption concerns.




A resident receiving water at a local service centre.

The clean water was extracted from filling stations where the nearest to the centre in Section 17 was Kelana Jaya.

Due to the distance, jumbo tanks which could store up to 45,000 litres were utilised. The water was then transferred to mobile water tanks.

Air Selangor provided five litres of reverse osmosis water to residents and visitors to the centre.

Auxiliary policemen were present as a precautionary measure.

SS2 Selatan Residents Association chairman Lee Yoon Hen said residents were alerted of Friday's unscheduled disruption and postponement of the scheduled disruption through their RAs' chat groups.

Taman Tun Dr Ismail RA vice-chairman Clinton Ang said there was a sense of relief now that the scheduled interruption has been postponed.

Bandar Utama RA vice-chairman resident Shahkander Singh said the authorities need to conduct regular sampling to assure the public that treated water is safe to drink.

He added that wastewater should be processed properly before it is discharged into the river.

"As consumers, we need to be assured that our water is free from heavy metals and toxic chemicals such as mercury, arsenic or lead."

As Selangor's raw water intake comes from rivers, Shahkander said the authorities should also conduct regular checks upstream to ensure pollutants are not discharged into rivers.

For the latest information and status, customers can refer to the Air Selangor mobile app, www.syabas.com.my, "Air Selangor" on Facebook, @airselangor on Twitter or call 15300.

# KERATAN AKHBAR
# 22 JULAI 2019 (ISNIN)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **STAR METRO** |
| **TAJUK BERITA** | **City council told to fix pond that doesn’t hold water** |
| **MUKA SURAT** | **4** |



(From left) Ara Vista residents Angela Quah, Tan and David Chong say more fish will die if the pond is not repaired soon.

## City council told to fix pond that doesn’t hold water

SEVERAL residents living in Ara Vista in Ara Damansara, Petaling Jaya, are upset a pond in their neighbourhood is no longer able to hold water, leading to the death of koi fish.

They said a broken wall had resulted in the water level receding in the pond since late April.

Ara Vista Residents Association (RA) chairman Tan B.W. said they are worried that other fish released into the pond would die if it is not repaired soon.

He said there were three ponds built by the developer of the township which were later surrendered to the Petaling Jaya City Council (MBPJ).

In 2003, the pond sprung a leak but it was repaired the same year by the developer.

Tan added that the pond was now under the supervision of MBPJ.

Residents had released about 2,000 grass carp, which are known to eat weeds, to help keep the ponds clean.

“We notified the council and officers came to inspect the pond in early May. We are still waiting for repairs to be done,” said Tan.

“More fish may die if the pond cannot retain water. The pond dries up fast when there is no rain,” he said.

The water level in the affected pond with cracks was visibly lower compared to two other ponds in the area.

“We have informed our area councillor Anwar Nekhan and Seri Setia assemblyman Halimey Abu Bakar about this problem and we are still waiting for a reply,” said Tan.

A MBPJ spokesman said the issue would be investigated. — **By SHEILA SRI PRIYA**

# KERATAN AKHBAR
# 22 JULAI 2019 (ISNIN)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **STAR METRO** |
| **TAJUK BERITA** | **Tournament enjoying brisk ticket sales** |
| **MUKA SURAT** | **12** |

## Tournament enjoying brisk ticket sales

### Some 70,000 football fans expected to turn up at Shah Alam stadium next month

By SHALINI RAVINDRAN and IKHWAN RAIFUDIN
metrospt@thestar.com.my

A TOTAL of 70,000 football fans are expected to flood Shah Alam Stadium to watch Selangor and Singapore clash for the Sultan of Selangor's Cup 2019 (TSSC) on Aug 24.

Organising chairman Tan Sri Abd Karim Munisar said sale of tickets was brisk with orders received from various parties.

Last week, the organising committee handed over 12,000 tickets to Shah Alam City Council (MBSA) and Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) which will be distributed to council staff as well as local communities.

Abd Karim said past editions of the tournament were popular because of the carnival-like atmosphere.

"What makes this prestigious tournament different from others is the atmosphere.

"Football fans can bring their whole family for a good time," he said after presenting the 4,000 purchased and 3,000 complimentary tickets to Shah Alam mayor Datuk Haris Kasim.

"I am confident that with the support and encouragement given by everyone, this year's edition will see a full house.

"We hope to repeat the same result as last year's tournament where we won all three trophies," he added.

The week-long promotional tour also saw the committee visiting MPAJ headquarters to hand over 3,000 tickets and an additional 2,000 complimentary tickets to council president Datuk Abdul Hamid Hussain.

Abdul Hamid said he was expecting a lot of support from the people of Ampang Jaya for the tournament.

"This is in line with MPAJ's efforts to instil a love of sports within the community," he said, adding that the tickets would be distributed to MPAJ staff, football clubs and residents associations.

"We hope that they in turn will help promote the event to others. This will be a good opportunity for families and sports enthusiasts to cheer on their favourite players."

Aside from the football matches, the other attraction of this year's edition is the lucky draw that will be offering attractive prizes, including a brand-new Honda City, Harley Davidson 833 Iron as well as a 3D/2N stay at Marriott Kota Kinabalu.

"There will also be performances and a fireworks display on the night," Abd Karim said.

Last year, Selangor swept all three cups at the Shah Alam Stadium, with the Selangor Selection and Veterans beating their counterparts on penalties while the Under-16 players delivered a 2-0 victory.

This year's first match will see the Singapore-Selangor Schools Challenge featuring students in the Under-15 group instead of the Under-16 like last year, followed by the curtain raiser between the veterans before the main match.

The tournament's next promotional event will be a meet-and-greet session with the Selangor Selection and Veteran players at the SACC Mall foyer in Shah Alam at 3pm on July 27.

A special promotion for ticket sales will be held on that day along with a display of the grand lucky draw prizes.

Additionally, there will be TSSC jerseys to be won through a quiz.

THE SULTAN OF SELANGOR'S CUP




Abd Karim (second from left) handing over a mock ticket to Haris during the presentation of purchased and complimentary tickets to MBSA for The Sultan of Selangor's Cup 2019.



MBSA employees showing off their Sultan of Selangor's Cup 2019 tickets.

(Below) Some 5,000 spectators from Ampang Jaya are expected to attend.



# KERATAN AKHBAR
# 22 JULAI 2019 (ISNIN)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **STAR METRO** |
| **TAJUK BERITA** | **Sukses 2019 platform for discovery of new Selangor talents** |
| **MUKA SURAT** | **12** |

## Sukses 2019 platform for discovery of new Selangor talents

SELANGOR Sports Council (MSNS) and the state goverment will focus on finding new talents through the 13th Sukan Selangor (Sukses) 2019, which starts today.

State youth generation development, sports and human capital development committee chairman Mohd Khairuddin Othman said the selected athletes would represent the Selangor contingent in Sukma 2020.

"Sukses 2019 will be a platform to prepare the Selangor contingent for Sukma 2020 in Johor," he said at a press conference at the Selangor Youth and Culture Complex.

"We are aiming for first place in Sukma 2020. Therefore, the selection of sports for Sukses 2019 reflect those that will be contested in Sukma.

"They are badminton, lawn bowl, archery, athletics, petanque, sepak takraw, basketball and tenpin bowling," he added.

Sukses 2019, which ends on Aug 10, is being held in Sepang in conjunction with Visit Sepang Year 2020.

The biennial games will see a participation of some 1,800 athletes in 117 events with a total of 308 medals to be won.

As part of the games, a friendly football match will be held between MSNS and state local authorities at Padang Sintetik Majlis Perbandaran Sepang on Aug 9 at 8pm.



Mohd Khairuddin (centre) holding the Sukses 2019 challenge trophy. The games will be held from today to Aug 10.

# KERATAN AKHBAR
# 22 JULAI 2019 (ISNIN)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | KOSMO! |
| **TAJUK BERITA** | CANTIK |
| **MUKA SURAT** | 4 |



**CANTIK**

SULTAN Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah (kanan) berkenan melihat pokok orkid semasa menyempurnakan Program Tanam Pokok Dalam Bandar Negeri Selangor Tahun 2019 di Lingkaran Cyberpoint Barat, Cyberjaya semalam.

# KERATAN AKHBAR
# 22 JULAI 2019 (ISNIN)

| | |
|---|---|
| AKHBAR | KOSMO! |
| TAJUK BERITA | SPAN BUKA KERTAS SIASATAN KES PENCEMARAN AIR |
| MUKA SURAT | 4 |

# SPAN buka kertas siasatan kes pencemaran air

**PUTRAJAYA** – Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) akan membuka kertas siasatan dan mengambil tindakan ke atas mereka yang dikenal pasti bertanggungjawab ke atas pencemaran bau pada sumber air mentah di loji rawatan air Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) sehingga tiga loji rawatan air utama terpaksa dihentikan tugas pada Jumaat lalu.



XAVIER

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Xavier Jayakumar dalam kenyataannya semalam berkata, SPAN sebagai sebuah badan kawal selia perkhidmatan air dan pembetungan akan melakukan siasatan dan tindakan mengikut Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655).

"Agensi di bawah Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli iaitu SPAN, Jabatan Pengairan dan Saliran serta Indah Water Konsortium mem-




KERATAN *Kosmo!* 20 Julai 2019.

percepatkan pemulihan termasuk mengenal pasti punca pencemaran melalui ujian yang dilaksanakan di Batang Kali, Selangor semalam (kelmarin)," katanya.

Dalam insiden Jumaat lalu, Air Selangor bertindak menutup tiga loji rawatan air utama iaitu Loji Sungai Selangor 1, 2 dan 3 serta Loji Rawatan Air Rantau Panjang bagi mengelakkan air tercemar dari diproses dan diagihkan kepada pengguna dan penutupan itu mengakibatkan hampir lima juta pengguna di sekitar Selangor dan Kuala Lumpur terjejas.

Jelas Xavier, sehingga pukul 12 tengah hari semalam, kerja pemulihan sumber tercemar mencapai tahap 94 peratus dan pemulihan sepenuhnya dijangka Rabu ini.

Dalam pada itu, katanya, setiap agensi kerajaan terutamanya pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu memantau aktiviti di sepanjang pesisir sungai.

"Sekiranya PBT peka dengan sebarang aktiviti mencurigakan yang berlangsung di kawasan seliaan mereka, insiden pencemaran sebegini dapat dielakkan dan ianya sudah tentu tidak akan membebankan pengguna sebagaimana kini," katanya.

Xavier seterusnya menyarankan agar PBT menyita mana-mana premis yang disyaki menjadi penyumbang kepada pencemaran sungai seterusnya mengambil tindakan lanjut termasuk tindakan undang-undang kepada pihak terbabit.

Beliau turut menyarankan semua agensi berkaitan turut sama mengambil langkah proaktif pencegahan melalui aktiviti pengauditan secara berterusan serta penguatkuasaan di sepanjang jajaran sungai sama ada di negeri Selangor mahupun di lain-lain negeri. – Bernama

# KERATAN AKHBAR
# 22 JULAI 2019 (ISNIN)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **HARIAN METRO** |
| **TAJUK BERITA** | **90% dah pulih** |
| **MUKA SURAT** | **16** |



# 90% dah pulih

*ORANG ramai mengambil air yang disediakan lori tangki air dari Air Selangor berikutan masalah gangguan yang berlaku di Selangor dan Lembah Klang.*

## Air Selangor cuba percepat bekalan air di kawasan terjejas akibat pencemaran bau

**Ruwaida Md Zain**
am@hmetro.com.my

**Shah Alam** H·M C(16)

Pemulihan bekalan air di empat kawasan yang terjejas susulan pencemaran bau di Sungai Selangor Jumaat lalu mencecah 90 peratus.

Ketua Jabatan Perhubungan Pelanggan Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) Abdul Raof Ahmad berkata, pemulihan bekalan air di Kuala Langat pula mencecah 78 peratus sehingga jam 12 tengah hari semalam.

Katanya, berdasarkan pemantauan di lapangan dan bacaan tekanan pada sistem agihan, pihaknya mendapati pemulihan bekalan air di Kuala Lumpur mencecah 99 peratus, diikuti Petaling pada kadar 95 peratus, Gombak (94 peratus) dan Klang serta Shah Alam (91 peratus).

"Dua daripada tujuh wilayah iaitu Kuala Selangor dan Hulu Selangor sudah pulih sepenuhnya," katanya di sini, semalam.

Abdul Raof berkata, pihaknya berusaha bagi mempercepatkan pemulihan keseluruhan kawasan terjejas dengan meningkatkan tekanan dan menstabilkan aliran bekalan di sistem agihan.

"Kerjasama pelanggan sepanjang tempoh pemulihan ini kami hargai dan bantuan lori tangki air terus digerakkan ke kawasan yang masih belum pulih sepenuhnya.

"Pihak kami mohon maaf atas segala kesulitan dan layari laman sesawang www.syabas.com.my, aplikasi telefon bimbit Air Selangor, Facebook Air Selangor dan Twitter @air_selangor untuk maklumat dan status terkini atau hubungi kami di talian 15300 atau WhatsApp ke 019 2816793 / 019 2800919 untuk bantuan," katanya.

Sementara itu, tinjauan di sekitar Taman Rakyat dan Bandar Parklands di Klang mendapati, tiada pengguna yang mendapatkan bekalan air berikutan agihan di kawasan itu pulih.

Difahamkan, beberapa Pusat Khidmat Setempat (PKS) seperti di Seksyen 6 dan 16 di Shah Alam dan Perepat serta Bandar Sultan Sulaiman di Klang ditutup.

Gangguan bekalan air tidak berjadual itu berlaku selepas pencemaran bau dikesan di Sungai Selangor pada Jumaat lalu, yang memaksa Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1 (SSP1), SSP2 dan SSP3 serta di Rantau Panjang dihenti tugas.

Kelmarin, Unit Kualiti Air Selangor dengan kerjasama pihak Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) serta Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) menjalankan siasatan bagi mengenal pasti punca pencemaran dan mendapati tahap pencemaran bau yang tinggi berpunca dari kawasan Sungai Liam, Batang Kali di Hulu Selangor.

# KERATAN AKHBAR
# 22 JULAI 2019 (ISNIN)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **HARIAN METRO** |
| **TAJUK BERITA** | **Pencemaran air : SPAN akan buka kertas siasatan** |
| **MUKA SURAT** | **16** |

H-M(16)

## Pencemaran air: SPAN akan buka kertas siasatan

**Putrajaya:** Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) akan membuka kertas siasatan dan mengambil tindakan ke atas mereka yang dikenal pasti bertanggungjawab ke atas pencemaran bau pada sumber air mentah di loji rawatan air Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) sehingga tiga loji rawatan air utama terpaksa dihenti tugas pada Jumaat lalu.

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli Dr Xavier Jayakumar dalam kenyataannya berkata, SPAN sebagai sebuah badan kawal selia perkhidmatan air dan pembetungan akan melakukan siasatan dan tindakan mengikut Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655).

**FAKTA**
*SPAN ambil tindakan tegas tangani isu pencemaran*

"Agensi di bawah Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli iaitu SPAN, Jabatan Pengairan dan Saliran serta Indah Water Konsortium mempercepatkan pemulihan termasuk mengenal pasti punca pencemaran melalui ujian yang dilaksanakan di Batang Kali, Selangor semalam (kelmarin)," katanya.

Dalam insiden Jumaat lalu, Air Selangor bertindak menutup tiga tiga loji rawatan air utama iaitu Loji Sungai Selangor 1, 2 dan 3 serta Loji Rawatan Air Rantau Panjang bagi mengelakkan air tercemar daripada diproses dan diagihkan kepada pengguna, dan penutupan itu mengakibatkan hampir lima juta pengguna di sekitar Selangor dan Kuala Lumpur terjejas bekalan air.

Jelas Dr Xavier sehingga jam 12 tengah hari semalam, kerja pemulihan sumber tercemar mencapai tahap 94 peratus dan pemulihan dijangka Rabu ini.

Beliau turut mahukan setiap agensi kerajaan terutamanya pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk menjalankan tugas memantau aktiviti yang berlangsung di sepanjang pesisir sungai. - Bernama

# KERATAN AKHBAR
# 22 JULAI 2019 (ISNIN)

| | |
|---|---|
| AKHBAR | SINAR HARIAN |
| TAJUK BERITA | Azmin hadir majlis di Kediaman MB Selangor |
| MUKA SURAT | 4 |

## Azmin hadir majlis di kediaman MB Selangor

S-H-(4)

**SHAH ALAM** - Timbalan Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Mohamed Azmin Ali menghadiri program majlis doa selamat dan kesyukuran di Kediaman Rasmi Menteri Besar Selangor di Seksyen 7 di sini malam tadi sempena kemenangan menolak fitnah terhadap beliau.

Beliau tiba di kediaman berkenaan kira-kira jam 7.10 malam bersama-sama isterinya, Datin Seri Shamsidar Taharin; anak perempuannya, Farah Shazliyana; menantunya, Muhammad Syaqib Zainudin serta cucu perempuannya.

Ketibaan Azmin disambut kira-kira 300 penyokong beliau.

Turut kelihatan, Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari.

Ketika cuba dihampiri pemberita untuk mendapatkan komen mengenai ketiadaan beliau pada program Temu Rapat Majlis Pimpinan Pusat PKR di Port Dickson selama tiga hari yang berakhir semalam, Menteri Hal Ehwal Ekonomi itu enggan mengulas lanjut.

"Eh, nanti dulu. Sembahyang dulu," katanya sebelum bergerak ke dewan solat di kediaman berkenaan.

Pekarangan kediaman berkenaan turut dilengkapi khemah dan meja untuk jamuan selepas solat dan doa selamat.



**Azmin bersalaman dengan tetamu yang hadir pada majlis doa selamat dan kesyukuran di kediaman Menteri Besar Selangor di Shah Alam semalam.**

# KERATAN AKHBAR
# 22 JULAI 2019 (ISNIN)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **SINAR HARIAN** |
| **TAJUK BERITA** | **Azmin hadir majlis di Kediaman MB Selangor** |
| **MUKA SURAT** | **4** |

# IWK bersihkan sisa minyak punca pencemaran bau

S-H(33)

**HULU SELANGOR** - Sisa minyak ditemui di kebuk masuk loji rawatan kumbahan di Batang Kali yang menyebabkan empat loji rawatan air (LRA) terpaksa dihentikan operasi kelmarin selesai dibersihkan Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) semalam.

Ketua Operasi IWK Wilayah Selatan, Ir Mohd Taufik Salleh berkata, loji berkenaan kembali beroperasi selepas kerja pembersihan selesai pada jam 5 petang dan pelepasan efluen mengikuti piawaian ditetapkan Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Menurutnya, pihaknya menerima maklumat daripada Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) awal pagi semalam berhubung perkara itu sebelum pasukannya bergegas ke loji berkenaan pada jam 5 pagi untuk memeriksa keadaan loji dan kualiti efluen dilepaskan.

"Pemeriksaan dapati terdapat minyak pekat berwarna hitam masuk ke loji berkenaan pada jam 7 pagi semalam (kelmarin), kami terus hentikan pelepasan efluen buat sementara waktu bagi menjalankan operasi pembersihan segera.

Bahan berasas minyak disyaki punca pencemaran bau



Laporan *Sinar Harian* semalam.

"Bagi mengelak sebarang gangguan kepada kualiti efluen, pengasingan telah segera dibuat untuk mengawal pelepasan efluen terakhirnya ke Sungai Liam," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Beliau berkata, sebelum kemasukan minyak hitam tersebut, pasukan penyenggara loji memaklumkan tiada kesan buangan minyak pada hari sebelumnya dan loji berkenaan beroperasi secara biasa mengikut piawaian.

"Kami turut menyediakan pasukan bertugas 24 jam bagi memantau sebarang kemasukan bahan yang dibuat secara terlarang daripada berulang," katanya.

# KERATAN AKHBAR
# 22 JULAI 2019 (ISNIN)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **SINAR HARIAN** |
| **TAJUK BERITA** | **Azmin hadir majlis di Kediaman MB Selangor** |
| **MUKA SURAT** | **4** |

## Gangguan bekalan air 97 peratus pulih

SH (33)

**SHAH ALAM -** Gangguan bekalan air di beberapa kawasan di Kuala Lumpur dan Selangor sejak kelmarin 97 peratus pulih setakat jam 6 petang semalam.

Ketua Jabatan Perhubungan Pelanggan dan Komunikasi Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), Abdul Raof Ahmad berkata, bekalan air di Kuala Lumpur, Kuala Selangor dan Hulu Selangor sudah pulih sepenuhnya.

Menurutnya, bagi kawasan Petaling peratus pemulihan mencapai tahap 98 peratus; Klang/Shah Alam (96 peratus), dan Gombak sudah mencapai tahap 97 peratus pulih.

"Sementara itu, sebanyak 81 peratus daripada 9,571 akaun pelanggan di kawasan Kuala Langat sudah menerima semula bekalan dan kami kini sedang berusaha bagi mempercepatkan pemulihan keseluruhan kawasan terjejas," katanya semalam.

# KERATAN AKHBAR
# 22 JULAI 2019 (ISNIN)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **SINAR HARIAN** |
| **TAJUK BERITA** | **Azmin hadir majlis di Kediaman MB Selangor** |
| **MUKA SURAT** | **4** |

# Cyberjaya menuju bandar hijau

FOTO: IHSAN PEJABAT MENTERI BESAR SELANGOR



**Sultan Sharafuddin dan Tengku Permaisuri Norashikin berkenan menyempurnakan program Tanam Pokok Dalam Bandar di Cyberjaya semalam.**

S.H (33)

**Cyberjaya semalam.**

S.H (33)

## *Usaha capai pengurangan karbon dioksida sebanyak 32 peratus menjelang 2025*

**CYBERJAYA**

Cyberjaya dalam usaha mencapai status bandar berkarbon rendah dengan mewujudkan lebih banyak ruang hijau dan pelaksanaan program-program alam sekitar.

Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari berkata, kawasan itu juga dalam usaha mencapai pengurangan karbon dioksida sebanyak 32 peratus menjelang tahun 2025.

"Ia sejajar dengan kerangka *Low Carbon City Framework* (LCCF), elemen penghijauan kawasan dalam taman.

"Cyberjaya juga dijangka dapat mencapai pengurangan karbon dioksida sebanyak 40 peratus menjelang tahun 2030," katanya ketika berucap pada Program Tanam Pokok Dalam Bandar Peringkat Negeri Selangor 2019 di Cyberjaya semalam.

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan menyempurnakan program berkenaan.

Turut berangkat Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin dan Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah.

Mengulas lanjut mengenai program itu, Amirudin berkata, secara dasarnya pelaksanaan inisiatif ini menekankan penanaman pokok teduhan yang bersifat rendah karbon terutamanya di dalam kawasan bandar.

Beliau berkata, sebanyak 1,500 pokok teduhan dan 3,000 pokok renek akan ditanam melalui program itu yang mendapat penyertaan seramai 2,000 orang peserta terdiri daripada penjawat awam, pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta, pelajar sekolah serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

"Keluasan kawasan penanaman pokok ini adalah 58,669 meter persegi (14 ekar) dan terbahagi kepada dua plot tanaman.

"Plot A (plot VVIP) sebanyak 500 pokok teduhan dengan keluasan 31,523 meter persegi dan plot B (plot peserta) sebanyak 1,000 pokok teduhan seluar 27,146 meter persegi," katanya.

Katanya, selaras dengan konsep pengindahan taman dalam bandar, kawasan penanaman pokok bersempena program tersebut juga turut dicadangkan sebagai Cyberjaya Central Park.

"Ini adalah kerana kawasan hijau dan berkonsep taman dalam bandar mampu menjadi tumpuan serta *focus point* dalam pembangunan di Cyberjaya khususnya," katanya.

# KERATAN AKHBAR
# 22 JULAI 2019 (ISNIN)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **SINAR HARIAN** |
| **TAJUK BERITA** | **Azmin hadir majlis di Kediaman MB Selangor** |
| **MUKA SURAT** | **4** |

## Anggota tentera pamer kehebatan dalam HSUT

S.H (34)

**KUALA KUBU BHARU** - Anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) menjuarai Hulu Selangor Ultra Trail (HSUT) bagi jarak 15 kilometer dengan cacatan masa terpantas 1 jam 25 minit 31 saat.

Acara larian yang sebelum ini dikenali sebagai Pertak Run menawarkan laluan berbukit dari Kampung Orang Asli Pertak ke Kuala Medang disertai lebih 91 peserta termasuk atlet antarabangsa.

Lima kategori dipertandingkan iaitu lelaki antarabangsa, lelaki dan wanita terbuka (18 hingga 39 tahun), serta lelaki dan wanita veteran (40 tahun ke atas).

Anggota berpangkat koperal di unit 91 Rejimen Semboyan Diraja Kem Kementah, Jalan Semarak Izuan Ismail, 27, muncul johan kategori lelaki terbuka.

Izuan berkata, dia aktif dalam acara larian sejak 2006 namun pertama kali menyertai HSUT dan menyifatkan laluan berkenaan berada dalam kelas tersendiri dengan tujuh daripada 10 tahap kesukaran.

"Ini acara larian yang ke-10 saya sertai pada tahun ini dan saya akui, laluan berbukit di sini bukan mudah tapi menarik dengan pemandangan air terjun.

"Saya anggap ini sebagai satu latihan mempertingkatkan stamina dan alhamdulillah, saya naik podium setiap kali sertai acara larian," katanya ketika ditemui pada majlis penyampaian hadiah HSUT semalam.

Menurutnya, dia pasti tidak ketinggalan menyertai acara tersebut jika diadakan lagi tahun hadapan.

Majlis tersebut disempurnakan Yang Dipertua Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS), Shukri Mohamad Hamin.

Johan kategori lelaki veteran (15 kilometer), Mazarul Arif Osman, 44, dari Pekan, Pahang berkata, dia menyertai HSUT sebagai persediaan menghadapai acara larian di Cameron Highlands minggu depan bagi jarak 50 kilometer.

Mazarul mencatat masa 1 jam 35 minit 12 saat manakala kategori lelaki antarabangsa dimenangi oleh peserta dari Perancis, Thibault Paquin yang merekodkan masa 1 jam 31 minit dan 9 saat.




**Izuan (dua dari kanan) merangkul johan kategori lelaki terbuka dengan catatan masa terpantas bagi semua kategori acara 15 kilometer.**